

**SULIT**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI I : 2025/2026**

**DTF50173 : FOOD LAW AND REGULATIONS**

**TARIKH : 08 DISEMBER 2025**

**MASA : 11.30 PAGI - 1.30 PETANG (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan struktur. Jawab SEMUA soalan.*

**QUESTION 1****SOALAN 1**

- CLO1 (a) Outline **FIVE (5)** importance of laws and regulations in foodservice industry.

*Senaraikan LIMA (5) kepentingan undang-undang dan peraturan di dalam industri perkhidmatan makanan.*

[5 marks]

[5 markah]

- CLO1 (b) According to Food Act 1983, authorized officer means any medical officer of health or any assistant environmental health officer of the Ministry of Health or of any local authority, or any suitably qualified person, appointed by the Minister to be an authorized officer under Section 3. Write **FIVE (5)** powers of authorized officer according to Section 4, Food Act 1983 with an appropriate explanation.

*Menurut Akta Makanan 1983, pegawai diberi kuasa ertinya mana-mana pegawai perubatan kesihatan atau mana-mana penolong pegawai kesihatan persekitaran Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana orang berkeelayakan yang sesuai, dilantik oleh Menteri untuk menjadi pegawai diberi kuasa di bawah Seksyen 3. Tuliskan LIMA (5) kuasa pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 4, Akta Makanan 1983 dengan penerangan bersesuaian.*

[10 marks]

[10 markah]

According to Section 13(b) Food Act 1983, no person shall prepare or sell any adulterated food.

*Berdasarkan Seksyen 13(b) Akta Makanan 1983, tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan.*

- CLO1 (c) Sketch a mind mapping about characteristics of adulterated food according to Section 13(b) Food Act 1983.

*Lakar peta minda mengenai ciri-ciri makanan tercemar menurut Seksyen 13(b) Akta Makanan 1983.*

[10 marks]

[10 markah]

**QUESTION 2**  
**SOALAN 2**

- CLO1 (a) Negligence is a failure to exercise appropriate and/or ethical ruled care expected to be exercised among specified circumstances. Discuss **FIVE (5)** common cases of negligence in food premises.

*Kecuaian adalah kegagalan untuk melaksanakan penjagaan yang sesuai dan beretika yang dijangka dilaksanakan dalam keadaan tertentu. Bincang **LIMA (5)** kes kecuaiian yang biasanya berlaku di premis makanan.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO1

- (b) Food Labelling as an effective tool to protect consumer health in terms of food safety and nutrition. Write **TEN (10)** requirements of labelling according to Part IV – Labelling, Food Regulation 1985.

*Pelabelan makanan adalah alat yang berkesan untuk melindungi kesihatan pengguna dari segi keselamatan makanan dan pemakanan. Tuliskan **SEPULUH (10)** keperluan pelabelan berdasarkan Bahagian IV – Pelabelan, Peraturan Makanan 1985.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (c) Food additives are substances added to food to preserve flavor or enhance taste, appearance, or other sensory qualities. Provide **FIVE (5)** types of food additives and the function of each food additive according to Part V - Food Additive and Added Nutrient.

*Aditif makanan ialah bahan yang ditambahkan pada makanan untuk mengekalkan rasa atau meningkatkan rasa, rupa, atau kualiti deria yang lain. Berikan **LIMA (5)** jenis aditif makanan dan fungsi setiap aditif makanan tersebut berdasarkan Part V – Aditif Makanan dan Nutrien Tambahan.*

[10 marks]

[10 markah]

**QUESTION 3**  
**SOALAN 3**

Descriptions Act 2011 (TDA 2011) was passed on August 2011 and came into force on November 1, 2011.

*Akta Perihal Dagangan 2011 (TDA 2011) telah diluluskan pada Ogos 2011 dan berkuat kuasa pada 1 November 2011*

- CLO2 (a) Illustrate in the table **THREE (3)** examples of minor, major and serious offenses in Halal enforcement.

*Ilustrasikan dalam jadual TIGA (3) contoh kesalahan kecil, besar dan serius dalam penguatkuasaan Halal.*

[10 marks]

[10 markah]

- CLO2 (b) A food handler is anyone who prepares, stores, serves or moves food as part of their job. Determine **FIVE (5)** legal requirements for food handler according to Part IV: Food Handler, Food Hygiene Regulations 2009.

*Pengendali makanan ialah sesiapa sahaja yang menyediakan, menyimpan, menghidangkan atau memindahkan makanan. Tentukan LIMA (5) keperluan undang-undang bagi pengendali makanan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian IV: Pengendali Makanan, Peraturan Kebersihan Makanan 2009.*

[15 marks]

[15 markah]

**QUESTION 4****SOALAN 4**

- CLO2 (a) The issue of safety and quality of Halal food products has been a major concern for countries all around the world, especially those with a large percentage of Muslim population. Therefore, determine **FIVE (5)** recommendations for improvements on food law implementation in the Halal food industry.

*Isu keselamatan dan kualiti produk makanan Halal telah menjadi kebimbangan utama bagi negara-negara di seluruh dunia, terutamanya negara yang mempunyai peratusan besar penduduk beragama Islam. Oleh itu, tentukan **LIMA (5)** cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan undang-undang makanan dalam industri makanan Halal.*

[5 marks]

[5 markah]

- CLO2 (b) Trade Descriptions Act 2011 (TDA 2011) improve and enhance the enforcement and monitoring of Halal certification for the benefit of consumers and producers and educate them to have a responsibility in producing a Halal product. Classify **FOUR (4)** types of inspection to ensure Halal compliance.

*Akta Perihal Dagangan 2011 (TDA 2011) menambah baik dan mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan pensijilan Halal untuk manfaat pengguna dan pengeluar serta mendidik mereka agar bertanggungjawab dalam menghasilkan produk Halal. Klasifikasikan **EMPAT (4)** jenis pemeriksaan bagi memastikan pematuhan Halal.*

[8 marks]

[8 markah]

CLO2

- (c)(i) Fatwa in general refers to the legal opinion issued by any Muslim jurist (mufti) relating to certain rulings of Islamic law. Determine **THREE (3)** pillars of fatwa.

*Fatwa secara umum merujuk kepada pendapat undang-undang yang dikeluarkan oleh mana-mana ahli perundangan Islam (mufti) berkaitan dengan ketetapan hukum Islam tertentu. Tentukan **TIGA (3)** rukun fatwa.*

[6 marks]

[6 markah]

CLO2

- (c)(ii) Determine **THREE (3)** fatwas on alcohol and liquor issued by The National Fatwa Committee.

*Tentukan **TIGA (3)** fatwa mengenai arak dan alcohol yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.*

[6 marks]

[6 markah]

**SOALAN TAMAT**